

Gagal bayar denda, lelaki lakukan khianat harta benda dipenjarakan

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM5,000 atau penjara enam bulan terhadap seorang lelaki yang bertindak memecahkan cermin belakang sebuah van selepas dimarahi oleh isterinya.

Dickson Seli, 30, dijatuhi hukuman itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan di hadapan Majistret Romario Jonoi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan khianat dengan memecahkan cermin belakang sebuah van di Jalan Oya pada 23 Mac 2026, kira-kira jam 12.45 pagi, yang menyebabkan kerugian sebanyak RM500.

Sehubungan itu, Dickson didakwa melakukan kesalahan yang dihukum di bawah

Seksyen 427 Kanun Keseksaan, di mana sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak kurang setahun serta tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pengadu ketika kejadian sedang berada di tempat parkir rumahnya di Jalan Oya apabila seorang lelaki iaitu tertuduh telah datang dan masuk ke tempat parkir rumah sebelah.

Tidak lama kemudian, pengadu terdengar bunyi cermin pecah dan tertuduh dilihat melarikan diri dari tempat kejadian.

Ketika diperiksa, pengadu mendapati cermin belakang van miliknya telah pecah.

Pengadu kemudian menghubungi tertuduh kira-kira jam 1 pagi, di mana tertuduh

mengaku memecahkan cermin van tersebut.

Siasatan yang dijalankan mendapati pengadu adalah majikan kepada tertuduh, selain kedua-dua mereka mempunyai pertalian keluarga.

Tertuduh memberitahu bertindak menumbuk cermin belakang van itu menggunakan tangan bagi melepaskan amarah setelah menerima panggilan daripada isterinya, yang memarahinya ketika itu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa ASP Sokolinkam Changgan, sementara tertuduh yang tidak diwakili peguam gagal membayar denda tersebut dan diperintahkan menjalani hukuman penjara enam bulan.